

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SEU413 - Ekonomi Kewangan

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Calon-calon boleh menjawab di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Bagi mereka yang menjawab dalam Bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya satu soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Jawab SEMUA soalan dari Bahagian A, dan hanya DUA (2) soalan dari Bahagian B.
Answer ALL questions from Section A, and only TWO (2) questions from Section B.

Bahagian A (60 markah)

Jawab SEMUA soalan.
Answer ALL questions.

1. Berikan komen anda mengenai tindakan bakal diambil oleh Bank Pusat Republik Banana yang telah mengambil keputusan untuk meningkatkan penawaran wang sebanyak \$22 billion berdasarkan kepada data makroekonomi seperti berikut:

Mata Wang (C)	=	\$2 billion
Simpanan Semasa (D)	=	\$3 billion
Jumlah Resab (TR)	=	\$8 billion
Resab Berlebihan (ER)	=	\$5 billion
Wang Berkuasa Tinggi (Hm)	=	\$11 billion

Comment on the impending action of the Banana Republic's Central Bank which has decided to increase money supply to the extent of \$22 billion on the basis of the following macroeconomic data:

<i>Currency (C)</i>	=	<i>\$2 billion</i>
<i>Demand Deposit (D)</i>	=	<i>\$3 billion</i>
<i>Total Reserve (TR)</i>	=	<i>\$8 billion</i>
<i>Excess Reserve (ER)</i>	=	<i>\$5 billion</i>
<i>High powered money (Hm)</i>	=	<i>\$11 billion</i>

(10 markah)

2. Andaikan terdapat hanya dua jenis kekayaan (wang dan bon) yang boleh dipegang, dan jika kadar bunga tiba-tiba meningkat, apakah yang akan terjadi kepada syer pemegang bon dan syer pemegang wang mengikut model Tobin?

Supposing there are only two types of wealth (bond and money) to hold, if the rate of interest suddenly goes up, what changes will occur in the proportion of bond and cash holding as per the Tobin model?

(10 markah)

3. Semasa Kemelesetan Besar dunia, kadar bunga telah mencecah paras lantai di United Kingdom, dan penawaran wang pada akhirnya telah ditingkatkan. Apakah implikasi utama yang dapat anda perolehi dari tindakan kewangan untuk United Kingdom dalam kes ini?

The rate of interest touched the floor level during the period of Great Depression in the United Kingdom, and money supply was subsequently increased. What major implications can you draw from this monetary action for the U.K.?

(10 markah)

4. Dr. Abd. Rahman telah menerima bonus sebanyak RM600 semasa Hari Raya dan beliau memasukkan wang tersebut ke dalam akaunnya di bank. Bank tersebut adalah sebahagian daripada sistem perbankan yang beroperasi di atas nisbah risab rasmi minimum sebanyak 10%. Apakah jumlah maksimum peningkatan penawaran wang yang dapat diwujudkan oleh urusniaga ini termasuklah jumlah deposit asal yang dibuat oleh Dr. Abd. Rahman?

Dr. Abd. Rahman received a bonus of RM600 during Hari Raya, which he deposited in his account at his bank, which is part of the banking system operating on the minimum legal reserve ratio of 10%. What maximum increase in money supply is possible from this transaction including the original deposit by Dr. Abd. Rahman?

(10 markah)

5. Jika KNK benar dan output potensi masing-masing meningkat pada kadar 2 peratus dan 4 peratus setahun, dan penawaran wang pula meningkat pada kadar 4 peratus setahun, apakah kadar inflasi yang akan dihadapi oleh ekonomi ini mengikut teori kuantiti. Jelaskan sepenuhnya.

If real GNP is increasing at 2 per cent per annum, potential output is increasing at 4 per cent per annum, and money supply is increasing at 4 per cent per annum, what rate of inflation, as per the quantity theory, the economy is likely to experience? Explain fully.

(10 markah)

...3/-

6. Wang adalah tidak berkecuali (tidak neutral) di dalam sistem Keynes. Adakah sifat wang akan bertukar semasa dalam perangkap kecairan? Berikan alasan-alasan kepada jawapan anda.

Money is non-neutral in the Keynesian system. Will the nature of money change during liquidity trap? Give reasons for your answer.

(10 markah)

Bahagian B (40 markah)

Jawab mana-mana DUA (2) soalan.

Answer any TWO (2) questions.

7. "Permintaan wang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh empat faktor." Analisis pernyataan ini dengan merujuk kepada teori pasca-Keynes yang anda telah pelajari. Apakah yang akan berlaku kepada pemegangan wang apabila kadar inflasi menjadi terlalu tinggi dan selanjut, seperti yang dialami oleh India pada masa kini?

"Demand for money is influenced mainly by four factors." Analyse the statement with reference to the post-Keynesian theory you have studied. What will happen to money holding when inflation rate becomes very high and continuous, as in India now?

(20 markah)

8. Bagaimanakah anda boleh membezakan di antara aset wang dan aset wang-hampir dengan merujuk kepada kadar bunga sebenar dan kadar bunga pasaran? Jika kedua kadar bunga ini sama nilai, apakah sifat aset tersebut?

How can you distinguish between money and near-money assets with reference to actual and market rates of interest? If these two rates are the same, what will be the nature of the asset?

(20 markah)

9. Dasar kewangan boleh mencapai hanya satu objektif: sama ada imbalan dalaman atau imbalan luaran. Jelaskan sepenuhnya. Bincangkan dan jelaskan perubahan-perubahan mutakhir dalam dasar kewangan Malaysia.

Monetary policy can attain only one objective: either internal balance or external balance. Explain fully. Account for the recent changes in the monetary policy in Malaysia.

(20 markah)

10. Berikan komen di atas perkara-perkara berikut:

- (a) Wang berperanan
- (b) Wang tidak berperanan.

Comment on the following:

- (a) *Money matters*
- (b) *Money does not matter.*

(20 markah)

- oo oOo oo -